



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP28: GARIS PANDUAN TADBIR URUS SYARIAH

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk mengawal selia koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah yang merangkumi:

- (a) pembentukan jawatankuasa Syariah; dan
- (b) tadbir urus Syariah koperasi.

PENGENALAN

2. Prinsip Syariah adalah asas kepada amalan perniagaan atau kewangan Islam di mana pematuhan kepada rukun, syarat dan prinsip yang ditentukan Syarak menjadi ciri utamanya. Pematuhan menyeluruh terhadap prinsip Syariah akan memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap kredibiliti sistem muamalat Islam khususnya dalam sektor koperasi.

3. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) sebagai agensi pengawal selia sektor koperasi sentiasa memberi keutamaan kepada usaha bagi memastikan keseluruhan perniagaan dan aktiviti koperasi berasaskan Syariah beroperasi selaras dengan prinsip Syarak. Ke arah matlamat ini, jawatankuasa Syariah koperasi perlu diwujudkan bagi koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah.

SKOP APLIKASI

4. Garis panduan ini hendaklah terpakai kepada koperasi yang menjalankan aktiviti pengantaraan kewangan (*financial intermediation*) berlandaskan Syariah yang melibatkan koperasi dalam kategori atau menjalankan aktiviti berikut:

- (a) fungsi perbankan;
- (b) fungsi kredit;
- (c) pembiayaan; dan
- (d) Ar-Rahnu.

BAHAGIAN B: PEMBENTUKAN JAWATANKUASA SYARIAH KOPERASI

5. Koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti yang berlandaskan Syariah dikehendaki mewujudkan suatu jawatankuasa Syariah koperasi. Koperasi boleh mewujudkan jawatankuasa tersebut dalam tiga keadaan berikut:

- (a) penubuhan jawatankuasa Syariah dalaman;
- (b) penubuhan jawatankuasa Syariah bagi suatu kumpulan koperasi; atau
- (c) pelantikan jawatankuasa Syariah luaran yang diiktiraf seperti *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM) dan *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA).

Pelantikan dan Pelantikan Semula

6. Lembaga koperasi, dengan saranan Jawatankuasa Pencalonan sekiranya ada, hendaklah melantik ahli jawatankuasa Syariah. Pelantikan dan pelantikan semula ahli jawatankuasa Syariah hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Suruhanjaya. Pelantikan sedemikian hendaklah sah bagi tempoh **tiga tahun** dan boleh diperbaharui.

7. Suruhanjaya boleh mengenakan syarat yang difikirkan perlu selain daripada kehendak garis panduan ini. Kegagalan koperasi untuk mematuhi apa-apa syarat tersebut akan membatalkan kelulusan yang diberi.

8. Koperasi dikehendaki menghantar borang permohonan yang lengkap kepada Suruhanjaya untuk melantik ahli jawatankuasa Syariah sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum pelantikan dibuat.

9. Bagi ahli jawatankuasa Syariah yang akan tamat tempoh pelantikan dan dicadangkan untuk pelantikan semula, koperasi hendaklah mengemukakan borang permohonan yang lengkap kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tamat tarikh pelantikannya.

Prosedur Permohonan

10. Permohonan bagi pembentukan jawatankuasa Syariah dan pelantikan atau pelantikan semula ahli jawatankuasa Syariah hendaklah dibuat dengan melengkapkan borang di **Lampiran 1**.

11. Proses tapisan hendaklah dilaksanakan atas calon yang dicadangkan untuk pelantikan ahli jawatankuasa Syariah bagi memastikan mereka adalah layak dan sesuai. Tapisan yang serupa juga hendaklah dijalankan untuk pelantikan semula.

12. Dalam menentukan sama ada seseorang itu adalah seorang yang layak dan sesuai untuk memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa Syariah, perhatian hendaklah diberikan terhadap kriteria berikut:

- (a) **Kejujuran, reputasi dan integriti peribadi** – seseorang hendaklah mempunyai keunggulan peribadi seperti kejujuran, integriti, ketekunan dan kewajaran keputusannya;
- (b) **Keupayaan dan kompeten** – seseorang hendaklah mempunyai kemahiran sewajarnya, pengalaman, kebolehan dan komitmen untuk melaksanakan tanggungjawab; dan
- (c) **Integriti kewangan** – seseorang hendaklah mengurus tanggungan atau kedudukan kewangannya secara berhemat.

13. Penilaian terhadap kriteria di atas hendaklah mengambil kira asas pertimbangan seperti yang terdapat di **Lampiran 2**.

14. Koperasi yang memohon kelulusan daripada Suruhanjaya dan calon ahli jawatankuasa Syariah yang berkenaan, dikehendaki berurusan dengan institusi berikut untuk melaksanakan sebahagian daripada proses tapisan:

- (a) koperasi mendapatkan status kebangkrapan calon jawatankuasa Syariah daripada Jabatan Insolvensi Malaysia untuk tapisan keutuhan; dan
- (b) calon jawatankuasa Syariah hendaklah mendapatkan laporan berikut untuk tapisan kewangan–
 - (i) laporan kredit institusi kewangan (CCRIS) daripada Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK; dan
 - (ii) laporan kredit koperasi, sekiranya ada.

Kelayakan

15. Ahli jawatankuasa Syariah hendaklah seorang individu Muslim.
16. Majoriti ahli jawatankuasa Syariah hendaklah sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah, termasuk pengajian Usul al-Fiqh atau Fiqh al-Mua'malat dari institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
17. Majoriti ahli jawatankuasa Syariah hendaklah mempunyai tahap pengetahuan dan fasih dalam Bahasa Arab secara lisan dan bertulis serta mempunyai kefahaman yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
18. Jawatankuasa Syariah boleh terdiri daripada pakar dari pelbagai latar belakang berkaitan seperti kewangan dan perundangan, yang boleh menyokong perbincangan Syariah. Walau bagaimanapun, ahli ini hendaklah tidak membentuk majoriti jawatankuasa Syariah.
19. Jawatankuasa Syariah hendaklah sebaik-baiknya terdiri daripada ahli yang pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

Komposisi

20. Untuk memastikan jawatankuasa Syariah dapat berfungsi dengan berkesan, komposisi jawatankuasa Syariah hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya **tiga** orang ahli.

Sekretariat

21. Koperasi dikehendaki melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai yang akan berkhidmat sebagai sekretariat kepada jawatankuasa Syariah. Pegawai ini hendaklah memiliki sekurang-kurangnya Diploma dalam bidang Syariah atau pengajian dalam bidang Usul Fiqh dan Fiqh al-Muamalat.

Hilang Kelayakan

22. Ahli jawatankuasa Syariah hendaklah terdiri daripada orang yang bereputasi dan berintegriti. Mana-mana ahli boleh dibatalkan keahliannya jika dia—

- (a) bertindak dengan cara yang boleh menimbulkan keraguan mengenai kesesuaiannya memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa Syariah;
- (b) gagal menghadiri dua pertiga daripada mesyuarat jawatankuasa Syariah dalam setahun tanpa alasan yang munasabah;
- (c) diisytiharkan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (d) didapati bersalah bagi kesalahan jenayah serius atau kesalahan lain dengan hukuman penjara satu tahun atau lebih; dan
- (e) tertakluk kepada apa-apa perintah tahanan, pengawasan atau buang negeri.

Sekiranya ahli jawatankuasa Syariah hilang kelayakan atau menjadi tidak layak untuk memegang apa-apa pelantikan sebagaimana yang diperuntukkan dalam garis panduan ini, koperasi hendaklah menamatkan pelantikan ahli jawatankuasa Syariah tersebut.

Peletakan dan Pemecatan Jawatan

23. Koperasi hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai peletakan atau pemecatan jawatan mana-mana ahli jawatankuasa Syariah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh tersebut dengan menyatakan sebab peletakan atau pemecatan jawatan itu.

Sekatan Ke Atas Ahli Jawatankuasa Syariah

24. Seseorang ahli jawatankuasa Syariah tidak boleh mempunyai apa-apa hubungan, yang boleh mengganggu atau dianggap mengganggu dalam melaksanakan pertimbangan bebas dengan orang berikut:

- (a) ahli keluarga terdekat, seperti pasangan, anak atau adik-beradik yang mana semasa tahun kewangan lepas, adalah pegawai koperasi atau mana-mana syarikat berkaitan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) atau ahli Lembaga bukan bebas; dan
- (b) pemegang saham utama, atau rakan kongsi (dengan pegangan sebanyak 5% atau lebih), atau KPE, atau seorang pengarah mana-mana organisasi perniagaan berasaskan keuntungan yang koperasi atau mana-mana anak syarikatnya, membuat atau menerima pembayaran ketara dalam tahun kewangan semasa atau tahun yang sebelumnya.

25. Ahli jawatankuasa Syariah tidak boleh terdiri daripada seorang pekerja koperasi atau mana-mana syarikat yang berkaitan untuk tahun kewangan semasa atau tahun yang sebelumnya.

BAHAGIAN C: TADBIR URUS SYARIAH

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KOPERASI

26. Untuk memastikan kelancaran pelaksanaan tadbir urus Syariah, koperasi hendaklah menetapkan akauntabiliti dan tanggungjawab setiap fungsi utama yang merangkumi:

- (a) Lembaga koperasi;
- (b) Jawatankuasa Syariah koperasi;
- (c) pengurusan koperasi; dan
- (d) Jawatankuasa Audit Dalaman.

Lembaga Koperasi

27. Lembaga koperasi mempunyai kuasa dan tanggungjawab muktamad ke atas keseluruhan tadbir urus dan pematuhan Syariah koperasi atas nasihat ahli jawatankuasa Syariah yang antaranya merangkumi:

- (a) mewujudkan mekanisme bersesuaian untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut; dan
- (b) melaksanakan pengawasan ke atas perjalanan tadbir urus Syariah yang berkesan dan memastikan bahawa ia menepati kemampuan saiz, kerumitan dan sifat perniagaan koperasi.

28. Lembaga, selepas berunding dengan jawatankuasa Syariah, hendaklah meluluskan semua dasar berhubung perkara Syariah dan memastikan bahawa dasar berkenaan dilaksanakan dengan berkesan.

29. Lembaga hendaklah memastikan bahawa jawatankuasa Syariah memahami tanggungjawab fidusiari mereka dalam melaksanakan tugas. Lembaga juga hendaklah memantau prestasi jawatankuasa Syariah melalui laporan berkala hasil daripada mesyuarat yang dijalankan.

30. Lembaga hendaklah memastikan wujudnya dasar komunikasi yang berkesan di kalangan fungsi utama koperasi bagi memudahkan penyampaian perkara penting berkaitan Syariah kepada Lembaga. Dasar komunikasi itu juga perlu memastikan bahawa kakitangan koperasi memahami keperluan untuk mematuhi kehendak Syariah pada setiap masa.

31. Lembaga hendaklah memberi imbuhan bersesuaian kepada jawatankuasa Syariah. Bentuk saraan itu hendaklah setimpal dengan akauntabiliti, tugas dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah.

Jawatankuasa Syariah

32. Jawatankuasa Syariah hendaklah sentiasa peka dan bertanggungjawab terhadap semua keputusan, pandangan dan pendapat berkaitan dengan hal ehwal Syariah. Walaupun Lembaga mempunyai tanggungjawab dan akauntabiliti muktamad ke atas keseluruhan tadbir urus koperasi, Lembaga hendaklah bergantung kepada jawatankuasa Syariah terhadap semua keputusan, pandangan dan pendapat Syariah berkaitan dengan perniagaan koperasi. Memandangkan keputusan, pandangan dan pendapat Syariah mengikat operasi koperasi, jawatankuasa Syariah hendaklah membincangkan segala isu dengan terperinci sebelum membuat apa-apa keputusan.

33. Jawatankuasa Syariah juga hendaklah melaksanakan peranan pengawasan ke atas hal ehwal Syariah berkaitan dengan operasi perniagaan dan aktiviti koperasi. Jawatankuasa Syariah hendaklah mengenal pasti isu yang memerlukan perhatian serta mencadangkan langkah pencegahan dan pembetulan, jika perlu.

34. Jawatankuasa Syariah hendaklah melapor terus kepada Lembaga koperasi dan kerap memaklumkan Lembaga mengenai perkara berkaitan Syariah. Ini mencerminkan status jawatankuasa Syariah sebagai badan bebas di koperasi.

35. Dalam melaksanakan tugasnya, jawatankuasa Syariah dikehendaki menzahirkan maklumat yang mencukupi dalam laporan tahunan kewangan koperasi mengenai pematuhan Syariah koperasi itu. Sila rujuk **Lampiran 3** untuk contoh penzahiran maklumat mengenai pematuhan Syariah.

36. Tugas dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah serta prosedur operasi bagi jawatankuasa Syariah diperincikan dalam **Lampiran 4** dan **Lampiran 5**.

Pengurusan

37. Pihak pengurusan koperasi bertanggungjawab untuk mematuhi dan melaksana kehendak dan keputusan Syariah yang dibuat oleh jawatankuasa Syariah koperasi. Pihak pengurusan juga bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan merujuk apa-apa isu Syariah kepada jawatankuasa Syariah bagi mendapatkan keputusan, pandangan dan pendapat.

38. Memandangkan akauntabiliti sesuatu keputusan Syariah terletak kepada jawatankuasa Syariah, pihak pengurusan hendaklah mengemukakan dengan segera maklumat yang lengkap dan tepat kepada jawatankuasa Syariah dan hendaklah telus mengenai apa-apa bahagian yang memerlukan penjelasan oleh jawatankuasa Syariah, bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan.

39. Adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan untuk memperuntukkan sumber dan tenaga kerja yang mencukupi bagi menyokong tadbir urus Syariah, yang setimpal dengan kemampuan saiz, kerumitan dan sifat perniagaan koperasi itu. Infrastruktur dan sumber yang akan disediakan hendaklah antara lain termasuk peruntukan bajet, bahan rujukan dan penyelidikan serta latihan dan pembangunan.

40. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan dan program latihan yang berterusan kepada pihak dalaman yang berkaitan termasuk Lembaga, jawatankuasa Syariah dan kakitangan berkaitan dengan perkara Syariah dan kewangan. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa setiap fungsi dalam tadbir urus Syariah koperasi sentiasa peka kepada perkembangan hal ehwal Syariah semasa.

41. Pengurusan bertanggungjawab untuk membangun dan menerapkan budaya pematuhan Syariah dalam koperasi. Budaya pematuhan Syariah merujuk kepada kaedah koperasi mematuhi prinsip Syariah dalam keseluruhan operasi perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah. Sebagai contoh, pihak pengurusan hendaklah sentiasa mengingatkan kakitangannya mengenai kepentingan Syariah dan kesan

kepada koperasi sekiranya prinsip dan amalan Syariah tidak dipatuhi dan sentiasa meletakkan Syariah sebagai keperluan dalam penggubalan mana-mana prosedur dan aktiviti berkaitan dengan perniagaan koperasi. Di samping itu, semua kakitangan dikehendaki memahami setiap produk Islam yang ditawarkan oleh koperasi, asas konsep Syariah serta persamaan dan perbezaan berbanding produk dan konsep konvensional.

42. Pihak pengurusan perlu memastikan bahawa dasar dan prosedur Syariah boleh diakses pada setiap masa kepada mereka yang terlibat dalam pelaksanaan tadbir urus Syariah. Dasar dan prosedur Syariah hendaklah mampu memperjelaskan perkara berkaitan proses tadbir urus Syariah koperasi itu dari awal hingga akhir. Pihak pengurusan juga hendaklah bertanggungjawab memastikan operasi dilaksanakan mengikut dasar dan prosedur serta sentiasa mengkaji semula dan mengemaskininya supaya lebih responsif kepada amalan pasaran dan perkembangan semasa.

43. Sekiranya pihak pengurusan menyedari bahawa sesuatu operasi perniagaan didapati tidak mematuhi Syariah atau bertentangan dengan nasihat jawatankuasa Syariah, pengurusan hendaklah:

- (a) dengan serta-merta memberitahu Lembaga dan jawatankuasa Syariah serta Suruhanjaya berkenaan fakta tersebut;
- (b) dengan serta-merta berhenti menjalankan apa-apa perniagaan baharu yang berkaitan dengan perniagaan yang tidak mematuhi Syariah; dan
- (c) dalam tempoh tiga puluh hari setelah menyedari apa-apa ketidakpatuhan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya, mengemukakan rancangan pembetulan atas ketidakpatuhan Syariah, untuk diperakukan oleh jawatankuasa Syariah dan diluluskan oleh Lembaga.

44. Sekiranya Suruhanjaya mendapati suatu koperasi menjalankan operasi yang tidak mematuhi Syariah, Suruhanjaya boleh mengarahkan langkah pembetulan dilaksanakan oleh koperasi.

Jawatankuasa Audit Dalaman

45. Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) hendaklah memainkan peranan penting dalam memastikan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang kukuh dan berkesan serta berupaya menyediakan penilaian yang bebas dan boleh menjadi petunjuk terhadap pematuhan Syariah. Tanggungjawab JAD hendaklah termasuk—

- (a) memastikan pihak pengurusan mempunyai dan mematuhi dasar dan prosedur berkenaan hal ehwal Syariah sebagaimana yang diputuskan oleh jawatankuasa Syariah koperasi;
- (b) memantau pelaksanaan cadangan yang dibuat melalui teguran atau pandangan yang dikeluarkan oleh jawatankuasa Syariah terhadap pentadbiran, pengurusan kewangan dan perjalanan aktiviti koperasi;
- (c) menyiasat perkara yang diarahkan oleh jawatankuasa Syariah koperasi;
- (d) memaklumkan jawatankuasa Syariah dan Lembaga apa-apa ketidakselarasan yang berlaku dalam pentadbiran, pengurusan kewangan dan perjalanan aktiviti koperasi dengan serta-merta;
- (e) mengkaji kecukupan proses tadbir urus Syariah; dan
- (f) mengkaji dan memaklumkan kepada jawatankuasa Syariah apa-apa transaksi yang meragukan.

BAHAGIAN D: KERAHSIAAN DAN PEMAKAIAN

PEMELIHARAAN KERAHSIAAN

46. Anggota Lembaga, ahli jawatankuasa Syariah, pengurusan koperasi dan JAD hendaklah mematuhi prinsip kerahsiaan pada setiap masa. Maklumat sulit atau sensitif yang diperolehi oleh mana-mana orang semasa berkhidmat atau dalam menjalankan tugasnya tidak boleh disalahgunakan dalam apa-apa cara yang boleh memudaratkan koperasi.

47. Maklumat sulit adalah maklumat yang diterima oleh mana-mana orang semasa berkhidmat atau dalam menjalankan tugasnya, yang bukan merupakan maklumat bersifat awam dan tidak dibenarkan untuk tujuan hebahan.

48. Walau apa pun para 46, mana-mana orang semasa berkhidmat atau dalam menjalankan tugasnya tidak dianggap sebagai melanggar kod sulit dan kerahsiaan jika maklumat sensitif didedahkan kepada Suruhanjaya dengan niat baik apabila melaporkan pelanggaran Syariah koperasi.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

49. Garis panduan lain yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya adalah terpakai kepada koperasi yang menjalankan aktiviti atau perniagaan berlandaskan Syariah selagi tidak diperuntukkan selainnya dalam garis panduan ini.

50. Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan peraturan, garis panduan, pekeliling atau arahan berhubung dengan koperasi yang menjalankan aktiviti atau perniagaan berlandaskan Syariah.

51. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 Julai 2015**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1MALAYSIA”

“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK LAMIEN BIN SAWIYO)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 14 Mei 2015



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

LAMPIRAN 1

BORANG PERMOHONAN PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA JAWATANKUASA SYARIAH

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

LAMPIRAN 1**Arahan**

1. Koperasi hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya, bagi pembentukan **jawatankuasa Syariah** dalam atau **jawatankuasa Syariah bagi suatu kumpulan koperasi**, maklumat dan borang seperti berikut:
 - (a) BORANG SKM/JKS;
 - (b) BORANG SKM/JKS/BP;
 - (c) BORANG SKM/JKS/TAP/KEW; dan
 - (d) BORANG SKM/JKS/AK.

2. Bagi pembentukan jawatankuasa Syariah yang dibuat secara lantikan luaran, koperasi hendaklah mengemukakan maklumat berikut untuk kelulusan Suruhanjaya:
 - (a) nama institusi atau badan Syariah yang dilantik;
 - (b) senarai nama ahli panel bagi institusi atau badan yang dilantik;
 - (c) cabutan minit mesyuarat Lembaga atas persetujuan pelantikan;
 - (d) surat pelantikan oleh koperasi; dan
 - (e) surat setuju terima pelantikan oleh institusi atau badan yang dilantik.



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

BORANG SKM/JKS

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

SKM – BSP / e-REG / GP	GP28: GARIS PANDUAN TADBIR URUS SYARIAH	17 / 45
------------------------	---	---------

BORANG SKM/JKS
Muka Surat 1/3

SULIT

Permohonan Pelantikan/Pelantikan Semula Ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi

Arahan

BORANG SKM/JKS ini hendaklah dilengkapkan oleh koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 untuk permohonan pelantikan/pelantikan semula ahli jawatankuasa Syariah. Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar oleh koperasi berkenaan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia ke alamat berikut:

**Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
(U.P. : Bahagian Statutori dan Pendaftaran)**

**No Tel : 03-2083 4000
Faks : 03-2083 4100**

1.	Nama Koperasi Pemohon <i>(senaraikan semua nama koperasi bagi lantikan berkumpulan)</i>	i.
		ii.
		iii.
2.	Pembentukan Jawatankuasa	<p>Sila tandakan (√) pada petak yang berkenaan</p> <p><input type="checkbox"/> Jawatankuasa Syariah dalaman</p> <p><input type="checkbox"/> Jawatankuasa Syariah bagi suatu kumpulan koperasi</p>

3. Senarai Ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi ¹ *(Sila nyatakan Koperasi pemohon)*

Nama Ahli Jawatankuasa Syariah	Jawatan	Tarikh Mula Dilantik ²	Tarikh Tamat Tempoh Pelantikan Semasa ³	Tarikh, No. Surat Rujukan Suruhanjaya dan Tempoh Kelulusan⁴

Bilangan ahli jawatankuasa Syariah seperti yang diputuskan oleh mesyuarat Lembaga koperasi iaitu :orang

Nota :

1. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, kertas tambahan boleh dilampirkan
2. Merujuk kepada tarikh mula dilantik sebagai ahli jawatankuasa Syariah koperasi
3. Merujuk kepada tarikh tamat bagi pelantikan semasa sebagai ahli jawatankuasa Syariah koperasi
4. Merujuk kepada surat kelulusan Suruhanjaya. Sila nyatakan tarikh, no. surat rujukan Suruhanjaya terkini dan tempoh kelulusan, (sekiranya ada), bagi pelantikan semula

BORANG SKM/JKS**Muka Surat 3/3****4. Penilaian oleh Jawatankuasa Pencalonan (atau oleh Lembaga, yang mana berkenaan)**

Arahan: **Jawatankuasa Pencalonan** dikehendaki memberi justifikasi terperinci terhadap kelayakan calon sebagai ahli **jawatankuasa Syariah koperasi** (Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila gunakan kertas tambahan dan sila tandatangan di setiap muka surat, termasuk kertas tambahan yang dilampirkan).

Selain itu, koperasi dikehendaki memberi maklumat lanjut yang berkaitan bagi membantu Suruhanjaya dalam membuat penilaian terhadap permohonan ini.



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

BORANG SKM/JKS/BP

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

BORANG SKM/JKS/BP
Muka Surat 1/8**ARAHAN**

Borang SKM/JKS/BP ini hendaklah diisi oleh calon yang dicadangkan oleh koperasi sebagai ahli jawatankuasa Syariah. Sila gunakan kertas tambahan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi. Pastikan **setiap muka surat** termasuk kertas tambahan yang digunakan ditandatangani dan pastikan **segala maklumat terdahulu dan semasa** yang dikehendaki dalam borang ini diisi dengan lengkap. Nyatakan "Tiada" atau "Tidak Berkenaan" sekiranya maklumat tersebut tidak berkenaan bagi calon tersebut.

Borang yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
(U.P.: Bahagian Statutori dan Pendaftaran)

No Tel : 03-2083 4000
Faks : 03-2083 4100

BORANG SKM/JKS/BP
Muka Surat 2/8

Borang Permohonan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi

NAMA KOPERASI YANG MEMOHON (Name of Applicant Co-operative)

.....

Sila tandakan (✓) pada petak yang berkenaan

(Please tick (✓) in the relevant box)

Pelantikan baharu (*New appointment*)

Pelantikan semula (*Reappointment*)

Tarikh tamat pelantikan : _____

(Expiry date of current appointment)

Silalampirkan
gambar
berukuran
pasport
*(Please attach
passport-sized
photo)*

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

(Personal Particulars)

1. NAMA (*Name*)

--

2. NO. KAD PENGENALAN (*NRIC No.*) (*sil sertakan salinan kad pengenalan*)

--

3. NO. PASPORT (*Passport No.*)

--

4. TARIKH / TEMPAT LAHIR (*Date / Place of Birth*)

--

5. KEWARGANEGARAAN (*Nationality*)

--

6. STATUS PERKAHWINAN (*Marital Status*)

--

BORANG SKM/JKS/BP
Muka Surat 3/8

7. JAWATAN SEKARANG (<i>Current Designation/Post</i>)
8. ALAMAT KEDIAMAN SEKARANG (<i>Current Residential Address</i>)
9. NAMA & ALAMAT MAJIKAN SEKARANG (<i>Name & Address of Current Employer</i>)
12. E-MEL (<i>E-mail</i>)
13. LAMAN WEB PERIBADI (<i>Personal Website or Blog</i>)
14. BAHASA PERHUBUNGAN (<i>Language of Communication</i>)

B. KELAYAKAN DAN PENGALAMAN (*Qualification and Experience*)

15. KELAYAKAN AKADEMIK DAN IKHTISAS (<i>Academic and Professional Qualification</i>)			
KELULUSAN (<i>Qualification</i>)	INSTITUSI PENGAJIAN/BADAN PROFESIONAL (<i>Institution of Learning/Professional Body</i>)	NEGARA (<i>Country</i>)	TAHUN KELAYAKAN DIPEROLEHI (<i>Year Qualification is Obtained</i>)

BORANG SKM/JKS/BP
Muka Surat 4/8

16. PENGKHUSUSAN BIDANG (Field of Expertise)

- Syariah(*Shariah*)*
- Pengajian Islam selain Syariah (*Islamic studies other than Shariah*)
- Perundangan (*Legal*)
- Kewangan (*Finance*)
- Perakaunan (*Accounting*)
- Lain-lain (*Other*): _____

* Individu yang berpengetahuan dan pakar, khususnya dalam bidang Syariah termasuk *Usul Fiqh* dan *Fiqh Muamalat*, dan mempunyai pengetahuan yang baik dalam penulisan dan pertuturan Bahasa Arab.

(*A person who is learned and expert, specialisation in Shariah including Usul Fiqh and Fiqh Muamalat, and also has good knowledge of written and verbal Arabic*).

17. PENGALAMAN BEKERJA (Working Experience)

JAWATAN (<i>Position</i>)	TANGGUNGJAWAB UTAMA (<i>Main Responsibility</i>)	NAMA ORGANISASI (<i>Name of Organisation</i>)	TEMPOH (<i>Period</i>)	
			Dari (<i>From</i>)	Hingga (<i>Until</i>)

BORANG SKM/JKS/BP
Muka Surat 5/8**18. KEANGGOTAAN SEBAGAI PENASIHAT SYARIAH DI ORGANISASI/KOPERASI LAIN***(Membership as Shariah Advisor in Other Organisations/Co-operatives)*

ORGANISASI (Organisation)	Tempoh (Period)	
	Dari (From)	Hingga (Until)

19. PENULISAN, KAJIAN ATAU KERTAS KERJA*(Writings, Research or Paperwork)*

TAJUK (Topic)	TAHUN (Year)

BORANG SKM/JKS/BP
Muka Surat 6/8**PENGAKUAN DAN PENGESAHAN CALON***(Declaration and Confirmation of Candidate)***20. PENGAKUAN (Declaration)**

Sila nyatakan sama ada anda pernah dicadangkan/dilantik/diluluskan pelantikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai seorang ahli jawatankuasa Syariah di mana-mana koperasi yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam tempoh tiga (3) bulan lepas:

Please indicate if you have been nominated/appointed/approved for the appointment by Malaysia Co-operative Society Commission as a member of Shariah Committee of any co-operative regulated and supervised by Malaysia Co-operative Societies Commission in the past three (3) months:

Ya / (Yes)

Tidak / (No)

Jika jawapan anda adalah "Ya", sila nyatakan koperasi tersebut.

(If the answer is "Yes", please indicate the co-operative(s) concerned)

Koperasi / (Co-operative):

Saya mengaku bahawa saya:

I declare that I:

(a) bukan seorang bankrap, tidak pernah diisytiharkan sebagai seorang bankrap, dan tidak menghadapi sebarang tindakan di bawah sebarang undang-undang bankrap;

am not a bankrupt, have never been declared a bankrupt, and no petition under bankruptcy laws has been filed against me;

Ya / (Yes)

Tidak / (No)

**BORANG SKM/JKS/BP
Muka Surat 7/8**

(b) tidak pernah dibuktikan atas kesalahan jenayah berat atau sebarang kesalahan yang boleh dihukum penjara selama satu (1) tahun atau lebih;

have not been convicted for a serious criminal offence or any other offence punishable with imprisonment for one (1) year or more;

Ya / (Yes)

Tidak / (No)

(c) tidak terikat kepada sebarang perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad atau buang negeri;

am not subject to any order of detention, supervision, restricted residence or banishment;

Ya / (Yes)

Tidak / (No)

(d) tidak menghadapi sebarang siasatan oleh mana-mana badan kerajaan, pihak berkuasa berkanun, yang mana penemuan tidak memuaskan telah diperolehi; dan

am not subject to any inquiry/investigation carried out by any governmental, statutory authority/body, in which an adverse finding was found; and

Ya / (Yes)

Tidak / (No)

(e) tiada sebarang halangan atau larangan oleh mana-mana badan kerajaan, pihak berkuasa berkanun, undang-undang atau perjanjian dengan mana-mana pihak untuk berkhidmat sebagai ahlijawatankuasa Syariah di koperasi ini.

am not subject to any prohibition by any governmental, statutory authority/body, governing law or by any agreement with another party to perform my duty as a Shariah Committee member in this co-operative.

Ya / (Yes)

Tidak / (No)

**BORANG SKM/JKS/BP
Muka Surat 8/8****21. PENGESAHAN (Confirmation)**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang dikemukakan di atas adalah benar dan lengkap.

I hereby confirm that all the information given above is true and complete.

.....
Tandatangan / (Signature)

.....
Nama Penuh / (Name in Full)

.....
Tarikh / (Date)

22. KEBENARAN UNTUK MENDEDAHKAN MAKLUMAT (Consent for Disclosure)

Menurut subseksyen 146(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, subseksyen 134(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan subseksyen 120(1)(c) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, saya dengan ini memberi kebenaran kepada institusi kewangan Islam, institusi kewangan berlesen dan institusi kewangan pembangunan, di mana akaun atau liabiliti saya disenggarakan, untuk mendedahkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebarang maklumat berkaitan akaun dan liabiliti saya bagi tujuan memproses permohonan ini.

Pursuant to subsection 146(1) Islamic Financial Services Act 2013, subsection 134(1) Financial Services Act 2013 and subsection 120(1)(c) Development Financial Institutions Act 2002, I hereby give consent to the Islamic financial institutions, licensed financial institutions and development financial institutions, in which I maintained an account or liability, to disclose to the Malaysia Co-operative Societies Commission of any information relating to my accounts and liabilities for the purpose of this application.

.....
Tandatangan / (Signature)

.....
Nama Penuh / (Name in Full)

.....
Tarikh / (Date)



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

BORANG SKM/JKS/ TAP/KEW

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

BORANG SKM/JKS/TAP/KEW
Muka Surat 1/2**SULIT****TAPISAN KEWANGAN**
Liabiliti Pemohon dengan Koperasi**Arahan kepada Pemohon**

1. BORANG SKM/JKS/TAP/KEW disediakan bagi pemohon yang telah dicalonkan sebagai ahli jawatankuasa Syariah oleh koperasi untuk mengarahkan **koperasi**¹ mengendalikan tapisan kewangan ke atas akaun dan liabiliti pemohon.
2. Pemohon perlu memastikan bahawa maklumat yang terdapat dalam **Bahagian A** BORANG SKM/JKS/TAP/KEW adalah yang berkaitan dengan akaun dan liabiliti yang diselenggarakan di **sebuah** koperasi sahaja.
3. Pemohon perlu membuat salinan borang ini sekiranya melibatkan lebih daripada satu koperasi. Setelah **Bahagian A** BORANG SKM/JKS/TAP/KEW dilengkapkan, pemohon dikehendaki menghantar terus borang tersebut kepada koperasi di mana akaun atau kemudahan pembiayaan diperoleh untuk tindakan selanjutnya.
4. Apabila menerima Borang SKM/JKS/TAP/KEW yang telah diisi dengan lengkap daripada koperasi, pemohon hendaklah memajukan borang tersebut kepada koperasi untuk dihantar kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Arahan kepada koperasi apabila menerima BORANG SKM/JKS/TAP/KEW daripada Pemohon

Apabila menerima BORANG SKM/JKS/TAP/KEW, koperasi dikehendaki melengkapkan proses tapisan kewangan dengan memberi komen di **Bahagian B** dan seterusnya mengembalikan borang yang telah dilengkapkan sepenuhnya kepada pemohon untuk tindakan selanjutnya.

Nota :

1. **Koperasi** merujuk kepada koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.

BORANG SKM/JKS/TAP/KEW
Muka Surat 2/2

A. LIABILITI PEMOHON (UNTUK DIISI OLEH PEMOHON)						
1.	NAMA PEMOHON					
2.	NO. KAD PENGENALAN	Baru :			Lama :	
3.	MAKLUMAT KEWANGAN (Sila isikan satu borang bagi setiap institusi)					
	Koperasi	Alamat Cawangan	Jenis Akaun/ Liabiliti	No. Akaun	Jumlah Pinjaman	Baki Pinjaman
4.	TANDATANGAN					
5.	TARIKH					
B. KOMEN BERKAITAN PENYENGGARAAN AKAUN-AKAUN (UNTUK DIISI OLEH KOPERASI YANG MEMBERI KEMUDAHAN KREDIT/PINJAMAN)						
1.	Sila nyatakan sama ada akaun disenggarakan dengan baik atau sebaliknya. Jika akaun tidak disenggarakan dengan baik, sila beri maklumat lanjut termasuk jumlah dan bulan yang tertunggak, status tindakan undang-undang yang telah dan sedang diambil (jika ada) dan status akaun iaitu berbayar atau tidak berbayar					
2.	TANDATANGAN					
3.	NAMA					
4.	JAWATAN					
5.	NO. TELEFON (Pejabat)					
6.	TARIKH/COP RASMI					



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

BORANG SKM/JKS/AK

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

BORANG SKM/JKS/AK**Kepala Surat Koperasi***(Sila sediakan surat ini dalam 2 salinan)*

Kepada:

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Changkat Semantan, Off Jalan Semantan

Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

(U.P.: Bahagian Statutori dan Pendaftaran)

**Permohonan untuk Melantik/Melantik Semula
Ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi**

Kami sertakan di sini permohonan untuk melantik/melantik semula (*.....nyatakan nama calon JKS.....*) sebagai ahli jawatankuasa Syariah koperasi bagi (*.....nyatakan nama Koperasi pemohon.....*) bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut (*tandakan kotak yang berkenaan*) untuk pengesahan pihak tuan:

- Borang SKM/JKS
- Borang SKM/JKS/BP
- Borang SKM/JKS/TAP/KEW
- Keputusan Carian Kebankrapan (Jabatan Insolvensi Malaysia)
- Keputusan Laporan Kredit Institusi Kewangan (CCRIS)
- Keputusan Laporan Kredit Koperasi
- Lain-lain (Nyatakan) (cth: salinan Kad Pengenalan)

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____ Nama Penuh : _____

Jawatan : _____ Tarikh : _____
(Pengerusi/Setiausaha/Bendahari)**Akuan Penerimaan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia**

Kami dengan ini mengakui menerima permohonan di atas bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang disertakan:

Tandatangan : _____ Nama penuh : _____

Tarikh : _____ Cop Rasmi (SKM)



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

LAMPIRAN 2

ASAS PERTIMBANGAN KRITERIA LAYAK DAN SESUAI

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

LAMPIRAN 2**ASAS PERTIMBANGAN KRITERIA LAYAK DAN SESUAI****Kejujuran, Reputasi dan Integriti Peribadi**

1. Kejujuran, reputasi dan integriti peribadi adalah nilai-nilai yang perlu diamalkan pada setiap masa. Kriteria ini menghendaki disiplin dan komitmen yang berterusan untuk mencapai taraf etika yang tinggi.
2. Dalam menilai tahap kejujuran, integriti dan reputasi seseorang untuk memegang jawatan ahli jawatankuasa Syariah, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (a) sama ada dia sedang dikenakan prosiding atau dipertuduh di mahkamah atau apa-apa penyiasatan yang menjurus kepada prosiding kesalahan disiplin atau jenayah;
 - (b) sama ada dia telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang dirangka untuk melindungi anggota atau orang awam daripada mengalami kerugian kewangan akibat tidak jujur, salah laku atau tidak kompeten;
 - (c) sama ada dia telah melanggar apa-apa kehendak dan piawaian badan kawal selia, badan profesional, kerajaan atau agensi-agensinya;
 - (d) sama ada dia telah didakwa melakukan mana-mana kesalahan di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah Dan Orang-OrangTak Diingini 1969 [Akta 7];
 - (e) sama ada dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan;
 - (f) sama ada dia, atau mana-mana perniagaan di mana dia mempunyai kepentingan atau pengaruh yang signifikan, telah disiasat, dikenakan tindakan disiplin, digantung atau diberi amaran bertulis oleh badan kawal selia, badan profesional, mahkamah atau tribunal;

- (g) sama ada dia telah dipecat, diminta untuk meletak jawatan atau telah meletak jawatan disebabkan oleh masalah kejujuran dan integriti; dan
- (h) sama ada dia mempunyai kaitan (*associated*) dengan perihal pemilikan atau pengurusan dalam mana-mana syarikat, perkongsian atau perniagaan di mana lesen, keahlian atau pendaftaran entiti tersebut telah dibatalkan, ditarik balik atau ditamatkan.

Keupayaan dan Kompeten

1. Ciri-ciri keupayaan dan kompeten hendaklah dipamerkan oleh seseorang yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan kebolehan relevan untuk memahami keperluan teknikal sesuatu perniagaan, risiko bawaan (*inherent risk*) dan proses pengurusan yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawabnya.
2. Dalam menilai keupayaan dan kompetensi seseorang itu untuk memegang jawatan ahli jawatankuasa Syariah, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (a) sama ada dia mempunyai kelayakan, kemahiran, pengalaman dan komitmen yang bersesuaian untuk menggalas tugas serta tanggungjawab sebagai ahli jawatankuasa Syariah; dan
 - (b) sama ada dia mempunyai kepakaran atau prestasi yang memuaskan pada masa terdahulu ketika menjadi ahli jawatankuasa Syariah dalam menerajui atau mengendalikan sesuatu koperasi, atau mana-mana organisasi.

Integriti Kewangan

1. Integriti kewangan seseorang hendaklah diperlihatkan melalui pengurusan kewangannya secara teratur dan berhemat.

2. Dalam menilai integriti kewangan seseorang, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (a) mempunyai kemampuan untuk memenuhi tanggungan kewangan mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan;
 - (b) akaun pembiayaan dengan institusi kewangan, koperasi atau penyedia khidmat kewangan lain disenggara dengan baik dan memuaskan serta tidak mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan; dan
 - (c) tidak disabitkan dengan keberhutangan yang tidak dilunaskan.



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

LAMPIRAN 3

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

LAMPIRAN 3**Contoh Laporan Jawatankuasa Syariah**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Selaras dengan surat pelantikan, kami dikehendaki untuk mengemukakan laporan berikut:

Kami telah meneliti prinsip dan kontrak yang berkaitan dengan transaksi dan aplikasi yang diperkenalkan oleh Koperasi Berhad bagi tempoh berakhir dd / mm / yyyy. Kami juga telah melaksanakan kajian untuk memberi pandangan sama ada Koperasi Berhad **telah mematuhi prinsip Syariah, keputusan dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh mana-mana badan berkuasa tertinggi** *(dengan dinyatakan secara spesifik badan yang berkaitan seperti Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dll)* dan juga keputusan Syariah yang ditetapkan oleh kami.

Pengurusan Koperasi Berhad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa koperasi telah menjalankan perniagaan mengikut prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyediakan suatu pandangan yang bebas, berdasarkan kajian kami ke atas operasi Koperasi Berhad dan melaporkan kepada anda.

Kami telah menilai tugas yang dilaksanakan oleh *(jawatankuasa audit dalaman atau audit Syariah koperasi)* termasuk memeriksa atas dasar ujian, setiap jenis transaksi, dokumen yang berkaitan dan prosedur yang diguna pakai oleh Koperasi Berhad.

Kami telah merancang dan melaksanakan penyemakan untuk memperoleh segala maklumat dan penjelasan yang dianggap perlu bagi membolehkan kami memperoleh bukti-bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa Koperasi Berhad tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

Pada pendapat kami:

1. kontrak, transaksi dan urusan yang dilakukan oleh Koperasi Berhad bagi tahun berakhir dd / mm / yyyy yang telah kami semak adalah mematuhi prinsip Syariah;
2. peruntukan keuntungan dan caj kerugian berkaitan akaun pelaburan mematuhi asas yang telah diluluskan oleh kami mengikut prinsip Syariah;
(Di mana sesuai, perenggan mengenai pendapat ini hendaklah juga termasuk perkara berikut:)
3. semua pendapatan yang telah direalisasikan daripada sumber atau dengan cara yang dilarang oleh prinsip Syariah telah dipertimbangkan untuk pelupusan bagi tujuan kebajikan; dan
4. pengiraan zakat adalah selaras dengan prinsip Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi Berhad, dengan ini mengesahkan bahawa operasi Koperasi Berhad bagi tahun berakhir dd / mm / yyyy telah dijalankan selaras dengan prinsip Syariah.

Pengerusi Jawatankuasa Syariah :
(Nama:)

Jawatankuasa Syariah :
(Nama:)



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

LAMPIRAN 4

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA SYARIAH

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

LAMPIRAN 4**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA SYARIAH**

Tugas dan tanggungjawab utama jawatankuasa Syariah adalah seperti berikut:

1. Tanggungjawab dan Akauntabiliti

Jawatankuasa Syariah dalam melaksanakan tugasnya hendaklah bertanggungjawab terhadap semua keputusan dan pandangan Syariah yang disediakan oleh mereka.

2. Menasihati Lembaga dan Koperasi

Jawatankuasa Syariah hendaklah menasihati Lembaga dan memberi input kepada koperasi mengenai perkara Syariah supaya koperasi mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa.

3. Memperakukan Dasar dan Prosedur Syariah

Jawatankuasa Syariah hendaklah memperakukan dasar dan prosedur Syariah yang disediakan oleh koperasi dan memastikan kandungannya tidak mempunyai sebarang unsur yang tidak selaras dengan Syariah.

4. Memperaku dan Mengesahkan Dokumen Berkaitan

Untuk memastikan produk koperasi mematuhi prinsip Syariah, jawatankuasa Syariah hendaklah memperaku dan mengesahkan:

- (a) terma dan syarat terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi perundangan lain yang digunakan dalam pelaksanaan urusniaga; dan
- (b) manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menerangkan produk.

5. Membantu Pihak Berkaitan Mengenai HalEhwal Syariah

Pihak yang berkaitan dengan koperasi seperti peguam, juruaudit atau perunding boleh mendapatkan khidmat nasihat mengenai perkara berkaitan Syariah daripada jawatankuasa Syariah.

6. Nasihat Mengenai Perkara untuk Dirujuk kepada Suruhanjaya

Jawatankuasa Syariah boleh menasihati koperasi untuk berunding dengan Suruhanjaya mengenai perkara Syariah yang tidak dapat diselesaikan. Suruhanjaya akan membawa perkara tersebut kepada mana-mana badan berkuasa tertinggi berkaitan untuk mendapatkan penjelasan dan keputusan yang muktamad, sekiranya perlu.

7. Menyediakan Pendapat Syariah Bertulis

Jawatankuasa Syariah hendaklah menyediakan pendapat Syariah secara bertulis dalam keadaan di mana koperasi merujuk kepada Suruhanjaya untuk perbincangan selanjutnya bersama mana-mana badan berkuasa tertinggi, atau di mana terdapat persoalan berkenaan produk koperasi oleh Suruhanjaya.



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

LAMPIRAN 5

PROSEDUR OPERASI JAWATANKUASA SYARIAH

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

LAMPIRAN 5**PROSEDUR OPERASI JAWATANKUASA SYARIAH****1. Kekerapan dan Kehadiran Mesyuarat**

- (a) Mesyuarat hendaklah kerap diadakan bagi memastikan:
 - (i) jawatankuasa Syariah sentiasa mengikuti perjalanan hal ehwal pengurusan dan aktiviti perniagaan koperasi; dan
 - (ii) operasi koperasi tidak terjejas berikutan kesukaran mendapatkan perakuan jawatankuasa Syariah bagi sesuatu dasar dan keputusan.
- (b) Mesyuarat jawatankuasa Syariah hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap empat bulan.
- (c) Ahli jawatankuasa Syariah hendaklah menyumbang dan memperuntukkan masa dan usaha yang mencukupi untuk melaksanakan kewajipannya dengan berkesan.
- (d) Ahli jawatankuasa Syariah hendaklah menghadiri sekurang-kurangnya dua pertiga daripada mesyuarat jawatankuasa Syariah yang diadakan pada setiap tahun kewangan.
- (e) Bilangan mesyuarat jawatankuasa Syariah yang diadakan dalam tahun itu serta kehadiran setiap ahli hendaklah dilaporkan dalam laporan tahunan koperasi.

2. Kuorum Minimum

Kuorum minimum mesyuarat jawatankuasa Syariah hendaklah dua pertiga dengan majoriti ahli yang hadir mestilah ahli berlatar belakang Syariah.

3. Keputusan Mesyuarat

Keputusan hendaklah dibuat berdasarkan dua pertiga undi daripada ahli yang hadir, dengan majoriti undi dua pertiga hendaklah oleh ahli berlatar belakang Syariah.

4. Pengerusi

Pengerusi jawatankuasa Syariah hendaklah seorang yang berkeelayakan dan berlatar belakang Syariah. Sekiranya pengerusi jawatankuasa Syariah tidak dapat menghadiri mesyuarat itu, ahli hendaklah melantik salah seorang daripada kalangan mereka untuk menjadi pengerusi gantian bagi menguruskan mesyuarat itu. Pengerusi gantian juga hendaklah terdiri daripada seorang yang berkeelayakan dan berlatar belakang Syariah.

5. Pelaporan

Jawatankuasa Syariah hendaklah merekodkan dalam laporan atau kenyataan mereka kepada Lembaga koperasi, mengenai apa-apa perkara yang perlu dibangkitkan berhubung isu ketidakpatuhan Syariah.